

29 SEP 2003

LIMA-PERSIAPAN/I

LANGKAWI SIAP SEDIA JADI TUAN RUMAH LIMA 2003

LANGKAWI, 29 Sept (Bernama) -- Peserta-peserta Pameran Maritim dan Aeroangkasa Langkawi (LIMA) Ketujuh bergegas memberi sentuhan terakhir dalam persiapan mereka bagi pameran maritim dan aeroangkasa yang terbesar di rantau ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan merasmikan pameran aeroangkasa di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di Padang Mat Sirat di sini, pada pukul 10.00 pagi esok dan pameran maritim pada sebelah petang di astaka terapung di Porto Malai di Ketawang.

Beliau juga dijangka melancarkan Pejabat Pendaftaran Kapal Layar Langkawi yang akan menjadikan pulau itu pusat bagi pendaftaran kapal layar di Malaysia.

Sejak pertama kali diadakan pada 1991, pameran dua tahun sekali itu pantas berkembang menjadi pertunjukan udara dan maritim serantau utama dan menarik peserta-peserta industri aeroangkasa dan maritim utama antarabangsa.

LIMA 2003 yang akan berlangsung selama enam hari ini merupakan yang terbesar dan paling hebat kerana sebanyak 600 syarikat dari 28 negara akan mengambil bahagian berbanding 500 syarikat dari 27 negara pada 2001.

LIMA pertama menarik penyertaan 150 syarikat.

Selain pameran itu, LIMA akan menyaksikan upacara menandatangani beberapa perjanjian bernilai beberapa ratus juta ringgit bagi pemerolehan pesawat dan komponen elektroniknya.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak berkata, LIMA telah memperkenalkan Langkawi kepada dunia dan membantu mempertingkat dan mempermodenkan sistem pertahanan Malaysia. -- BERNAMA

TEAM TJK KY AHM